

U 8958 AAB
MAHATHIR - PENGURUSAN
(1)

KUALA LUMPUR, 16 NOV (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI BERKATA GOLONGAN PENIAGA HARUSLAH MENERIMA HAKIKAT BAHAWA KERAJAAN BERNIAT IKHLAS UNTUK MENCAPAI KEMAKMURAN EKONOMI BAGI NEGARA INI DALAM USAHA MEMULIHKAN EKONOMI.

PERDANA MENTERI BERKATA TINDAKAN KERAJAAN MUNGKIN BETUL ATAU SALAH TETAPI +LA TIDAK BOLEH DITUDUH SENGAJA MELAKUKAN PERBUATAN YANG MEMBURUKKAN EKONOMI MEGARA+.

DENGAN PENERIMAAN ITU, KERJASAMA ANTARA SEKTOR AWAM DENGAN SWASTA AKAN MENJADI KENYATAAN, KATANYA KETIKA MENYAMPAIKAN UCAPAN DASAR PADA MAJLIS TAKLIMAT PERINGKAT MENTERI MENGENAI PENULIHAN EKONOMI KEBANGSAAN ANJURAN INSTITUT PENGURUSAN MALAYSIA (MIM) DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI.

+SEKATAN-SEKATAN YANG DIKENAKAN OLEH DASAR EKONOMI BARU (DEB) BERTUJUAN MEMASTIKAN KEMAKMURAN EKONOMI SECARA MENYELURUH DI KALANGAN RAKYAT. ADAKAH NEGARA BOLEH STABIL SECARA POLITIK JIKA KERAJAAN TIDAK MEMBUAT SEBARANG USAHA UNTUK MENGIMBANGI PEMBANGUNAN RAKYAT PELBAGAI KAUM?+ KATANYA.

+APA GUNANYA DASAR LIBERAL MENGENAI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN JIKA NEGARA MENGHADAPI MASALAH CEMBURU DAN IRI HATI ANTARA KAUM YANG SENTIASA BOLEH MENJADIKAN NEGARA TIDAK STABIL,+ KATANYA. -- LAGI

1257MST 16 11 87

U 8962 AAB
MAHATHIR - PENGURUSAN 2 KUALA LUMPUR
(1)

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +APAKAH YANG BOLEH KERAJAAN LAKUKAN UNTUK MEMBANTU MEMULIHKAN EKONOMI JIKA RAKYAT MENGATAKAN BAHAWA KEMEROSOTAN EKONOMI NEGARA BERPUNCA DARIPADA DASAR-DASAR KERAJAAN+.

KATANYA, RAKYAT HARUS MELIHAT SEMULA DASAR-DASAR YANG ADA BAGI MENENTUKAN SAMPA ADA DASAR-DASAR ITU DIBERI PELUANG UNTUK DILAKSANAKAN DENGAN TERATUR ATAU DASAR-DASAR ITU BEGITU BURUK SEHINGGA MENJADI PUNCA KEPADA KEMEROSOTAN EKONOMI NEGARA SEKARANG.

BELIAU BERKATA JIKA EKONOMI MALAYSIA HENDAK DIPULIHKAN, RAKYAT MESTI BERSIKAP POSITIF DAN BERSEDIA MENCUBA IDEA BARU SERTA BERUSAHA MEMPERBAIKINYA.

+KITA PERLU SENTIASA BERUSAHA KE ARAH ITU JIKA KITA MAHU KEKAL MENJADI STABIL DAN DEB IALAH ALAT UTAMA UNTUK MENCAPAI KESTABILAN SECARA KESELURUHAN. MALAYSIA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN MELAINKAN MEMILIH DEB DAN BERUSAHA MENGATASI HALANGAN-HALANGAN,+ KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN MASIH BERUSAHA MENGGALAKAN ETIKA-ETIKA KERJA KETIMURAN DI KALANGAN TENAGA KERJA RAKYAT MENERUSI DASAR PANDANG KE TIMUR. -- LAGI

1317MST 16 11 87

D172

U. B963 AAB
MAHATHIR - PENGURUSAN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, RAKYAT HENDAKLAH MEMPERBAIKI ETIKA KERJA DENGAN MENCONTOSI ETIKA KERJA MEREKA YANG BERJAYA.

MENGENAI PENSWASTAAN, KATANYA, SEJAK MERDEKA, KERAJAAN TELAH TURUT MENYERTAI KEGIATAN YANG TIDAK BERSIFAT PENTADBIRAN DAN KEBANYAKAN AKTIVITI ITU MENGAKIBATKAN KETIDAKCEKAPAN DALAM PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN SERTA MENGALAMI KERUGIAN BESAR.

APABILA SESEBUAH AGENSI DISWASTAKAN, KATANYA, TIDAK BERMAKNA KERAJAAN KEHILANGAN SEGALA-GALANYA. IA MASIH MEMPEROLEHI PENDAPATAN MENERUSI CUKAI PENDAPATAN DAN CARA LAIN JIKA SYARIKAT ITU MENDAPAT KEUNTUNGAN MANAKALA KERAJAAN JUGA TIDAK PERLU MENANGGUNG BEBAN UNTUK MEMBAYAR GAJI, MENYEDIAKAN PENYELENGGARAAN DAN DALAM BANYAK KEADAAN MENGELUARKAN MODAL YANG LEBIH.

KATANYA, SYARIKAT DAN KEMUDAHAN YANG DISWASTAKAN MEMPEROLEHI PENDAPATAN YANG MENINGKAT DI SAMPING MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN YANG LEBIH BAIK.

BAGAIMANAPUN, SEKTOR SWASTA MESTI MEMAINKAN PERANAN YANG LEBIH DINAMIK BAGI MEMBANTU MEMULIHKAN EKONOMI NEGARA. -- LAGI
1325MST 16 11 87

D175

U B965 AAB
MAHATHIR - PENGURUSAN 4 KUALA LUMPUR

KATANYA, WALAUPUN KERAJAAN MENYAMBUT BAIK PANDANGAN DAN NASIHAT DARIPADA GOLONGAN PENIAGA MENGENAI LANGKAH YANG PERLU DIBUAT OLEH KERAJAAN, GOLONGAN ITU JUGA PERLU MENILAI SEMULA MENGENAI PENDEKATAN PERNIAGAAN MEREKA.

BELIAU MENGGESA PARA PENIAGA SUPAYA TIDAK BERSIKAP NEGATIF DENGAN MENOLAK DASAR-DASAR KERAJAAN SEBAIK SAHAJA DASAR-DASAR ITU DIUMUMKAN.

KATANYA, MEREKA HENDAKLAH MELIHAT ASPEK POSITIF DASAR-DASAR ITU DAN BERUSAHA MENDAPATKAN KEBAIKAN DARIPADA DASAR-DASAR BERKENAAN. --
BERNAMA

1329MST 16 11 87